

CNS4677

R GB 07-07 00206 BA944

aab

TIADA PEKERJA: SALAH MAJIKAN TIDAK DAFTAR BILA ADA PELUANG, KATA PM

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sesetengah majikan di negara ini perlu dipersalahkan sekiranya timbul masalah kekurangan pekerja berikutan tindakan kerajaan menangkap pekerja asing yang tidak berdaftar.

Katanya, majikan-majikan itu telah diberi tempoh lebih enam bulan untuk mendaftarkan pekerja asing mereka tetapi tidak menggunakan peluang itu dengan sebaik-baiknya.

+Yang kita tidak faham ialah kenapa apabila kita beri peluang untuk daftar pekerja-pekerja ini majikan tidak mengambil tindakan tetapi kemudian mereka mengadu pula tidak ada pekerja,+ katanya ketika ditanya pemberita selepas melancarkan pembinaan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Persatuan Pemaju Perumahan (HDA) bahawa sektor pembinaan akan terjejas berikutan tindakan kerajaan menangkap pekerja asing tanpa izin di negara ini sejak 1 Julai lepas.

Sehingga petang semalam, seramai 1,468 orang pendatang asing tanpa izin telah diberkas polis sejak +Ops Nyah II+ dilancarkan di tujuh buah negeri.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, dakwaan bahawa sektor pembinaan menghadapi kekurangan pekerja berikutan tindakan kerajaan itu, belum dibuktikan kebenarannya.

+Kita kena tahulah (dakwaan itu) benar ataupun tidak,+ kata beliau. -- Bernama.

♥07/07/15-22MSP